

BAB KEDUA

KONSEP KESULTANAN MENGIKUT
MANUSKRIPT NASIHAT AL-MULUK

2.1. MUKADIMAH

Sistem pentadbiran adalah merupakan asas penting bagi sesbuah negara. Ia akan mencerminkan kedudukan sebenar perjalanan sesuatu organisasi pemerintahan. Kebanyakan sistem pentadbiran sesbuah kerajaan akan dibukukan untuk panduan semasa dan juga generasi selepasnya. Ulama-ulama silam seperti Ibn Khaldūn (*Muqaddimah*), Ibn Qayyim (*al-Turuq al-Hukmiyyah*), al-Mawardi (*al-Aḥkām al-Sultāniyyah*), al-Ghazali (*al-Tibr al-Masbūq fi Naṣīhat al-Mulūk*) dan ramai lagi ada menukilkan sistem pentadbiran yang berlandaskan Islam di dalam karangan-karangan mereka.

Ulama-ulama Nusantara juga tidak terlepas daripada menghasilkan karya-karya yang menceritakan organisasi bagi sesbuah pentadbiran. Antaranya ialah Tun Seri Lanang (*Sejarah Melayu*), Raja Ali Haji (*Tuhfat al-Nafis*), Bukhari al-Jauhari (*Taj al-Salatīn*), Nurudin al-Raniri (*Bustān al-Salatīn*) dan ramai lagi. Boleh dikatakan hampir keseluruhan daripada karya-karya ulama silam di Nusantara telah ditulis adalah dalam bentuk manuskrip. Ia kemudiannya telah didokumentasikan semula oleh ramai sarjana tempatan, China dan Barat bagi mengetahui kedudukan sistem pemerintahan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Berpegang kepada inspirasi inilah, penulis cuba untuk membahaskan satu daripada ribuan manuskrip Melayu yang ada bagi mengetengahkan idea pemikiran ulama Melayu tentang konsep pemerintahan (kesultanan) berkerajaan. Penulis akan menggunakan teks manuskrip Nasihat al-Muluk sebagai bahan kajian utama di dalam penyelidikan ini.

2.2. KONSEP KESULTANAN

Konsep berasal dari perkataan Inggeris – *concept* – yang bermaksud pengertian (*pendapat yang terbentuk dalam fikiran*) mengenai sesuatu tanggapan atau idea¹ atau pemikiran² terhadap sesuatu perkara. Dengan itu kita boleh menganggap bahawa konsep adalah merupakan satu gagasan pemikiran yang berbentuk subjektif untuk mengetengahkan sesuatu perkara kepada bentuk yang lebih praktikal.

Sultan merupakan gelaran bagi seseorang pemerintah tertinggi di dalam Islam yang mempunyai sinonim dengan beberapa istilah tertentu seperti *khalīfah*, *amir al-mu'minīn*, *imām*, *imārah* dan sebagainya yang membawa maksud kepimpinan negara Islam yang meliputi kemaslahatan dunia dan akhirat.³ Sultan berasal dari perkataan Arab (سلطان - سلطان) yang boleh ditakrifkan sebagai penguasa atau kuasa pemerintah.

Ibn Manzūr dan al-Lāith mendefinisikan sultan sebagai kuasa pemerintah iaitu sesiapa sahaja yang diberikan kuasa sekalipun tiada kerajaan.⁴ Kamus Dewan mendefinisikan sultan sebagai raja yang memerintah sesebuah negara biasanya negara Islam. Kesultanan pula ditakrifkan sebagai daerah jajahan atau kawasan atau wilayah atau kerajaan atau negeri yang di bawah pemerintahan

¹Teuku Iskandar, op. cit., hal. 651.

²Victoria Neufeldt dan David D. Guralnik (ed.), op. cit., hal. 228.

³Muhammad Rasyid Redha, *al-Khilafah al-Zuhra*, Maktabah li l'I'lam al-Arabi, 1988, hal. 17.

⁴Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn b. Mukarram ibn Manzūr al-Afriqi al-Misri, *Lisān al-'Arab*, Beirut, Dar al-Fikr, 1994, cetakan ke 3, jil 7, hal. 321.

raja tersebut.⁵ Penyusun Dictionary of Islam pula mendefinisikan sultan sebagai "A word in modern times used for a ruler or king as The Sultan of Turkey. Its literal meaning is a strength or mighty".⁶ Penulis berpendapat, perkataan sultan yang digunakan dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka adalah dimanifestasikan daripada geralan sultan-sultan Turki seperti yang dinyatakan di dalam Dictionary of Islam.

Sekiranya kita menggabungkan di antara konsep dan kesultanan, maka kedua-dua kosa kata ini akan dapat disimpulkan sebagai satu tanggapan idea dan juga pemikiran terhadap kekuasaan atau pemerintahan yang diilhamkan oleh individu atau kumpulan tertentu untuk diaplifikasikan ke atas sejumlah manusia yang tertentu dalam bentuk sistem atau struktur pentadbiran yang tertentu.

2.3. LATAR BELAKANG MANUSKRIP NAŠIHKAT AL-MULŪK

Manuskrip Našihat al-Mulūk⁷ yang dikodkan dengan MKM 1366 adalah dalam bentuk mikrofilem dan dimiliki oleh Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Manakala naskhah asal dikatakan terdapat di Perpustakaan Universiti Cambridge dengan kod Gg.6.40. Ia adalah merupakan bahan utama bagi kajian ini. Pengarangnya ialah Sheikh Ḥussīn Wa'iz-i-Kāshīfī.⁸

⁵Teuku Iskandar, op. cit., hal. 1237.

⁶Thomas Patrick Huges, **Dictionary of Islam**, New Delhi; Cosmo Publications, 1982, hal. 622.

⁷Teks manuskrip Nasihat al-Muluk ini boleh diperolehi dari mikrofilem milik Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia dengan kod MKM 1366. Naskhah asal terdapat di Perpustakaan Universiti Cambridge dengan kod Gg.6.40.

⁸Pada pandangan penulis, Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī adalah merupakan pengarang asal bukannya penterjemah bagi kitab ini.

Beliau berasal dari keturunan Parsi.⁹ Namun setelah diteliti dengan lebih mendalam, maka penulis mendapati manuskrip yang dikaji adalah merupakan hasil karya terjemahan. Menurut Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia,¹⁰ orang yang menterjemah manuskrip ini masih belum diketahui identitinya. Sekiranya kita merujuk katalog manuskrip Melayu yang berada di Great Britain,¹¹ ia juga tidak menceritakan sebarang maklumat tentang penterjemah kitab ini. Selain itu, manuskrip ini juga tidak menyatakan tarikh ia dikarang dan diterjemahkan. Ini sudah tentu menyukarkan penulis untuk mengemukakan usia sebenar manuskrip ini.

Hasil dari penyelidikan yang dibuat maka penulis menemui sebuah lagi manuskrip yang mempunyai tajuk yang serupa (*Nasiḥat al-Mulūk*) yang dikarang oleh Imam al-Ghazālī. Ia boleh diperolehi di Perpustakaan Negara Malaysia dalam bentuk mikrofilem dengan menggunakan kod MKM 644.¹² Naskhah asal boleh dirujuk di Perpustakaan Universiti Edinburgh dengan kod DC.6 (73-74).¹³

⁹M.C. Ricklefs dan P.Voorhoeve, **Indonesian Manuscripts in Great Britain; a Catalogue of Manuscripts in Indonesian Language in British Public Collections London Oriental Bibliographics**, Oxford University Press, 1977, Vol. 5, hal. 111.

¹⁰Temubual dengan **Puan Munazzah Zakaria** (Pegawai Penyelidik Manuskrip) di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur pada 11 Ogos 1999 (Rabu).

¹¹M.C. Ricklefs dan P.Voorhoeve, op. cit., hal 111.

¹²Teks manuskrip *Nasiḥat al-Mulūk* ini boleh diperolehi dari mikrofilem milik Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia dengan kod **MKM 644**. Naskhah asal terdapat di Perpustakaan Universiti Edinburgh dengan kod **DC 6 (73-74)**.

¹³M.C. Ricklefs dan P.Voorhoeve, op. cit., hal. 120-121.

Penulis juga ada mendapati nama sebuah kitab yang berjudul *al-Tibr al-Masbūq fi Naṣīḥat al-Mulūk* yang juga karya Imam al-Ghazālī.¹⁴

Walau bagaimanapun penulis hanya akan menggunakan naskhah manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* yang diperolehi dari Perpustakaan Negara Malaysia dengan kod MKM 1366 sebagai sumber kajian utama. Ini tidak bermakna penulis akan mengabaikan naskhah-naskhah lain kerana ia adalah merupakan rujukan sampingan bagi penulis untuk tujuan analisis perbandingan.

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* (MKM 1366) mempunyai seratus sepuluh (110) muka surat. Jika dihitung secara rawak kita akan mendapati sebanyak lima belas baris perkataan telah ditulis pada setiap muka surat manuskrip ini. Ia ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi tradisional. Sesetengah tulisannya agak sukar untuk dibaca dan dibuat transliterasi kerana terdapat kekaburan pada bentuk tulisannya. Penulis mendapati ada sesetengah perkataan yang dimuatkan itu terlalu sukar untuk difahami tentang maksud sebenar yang hendak diungkapkan oleh penterjemah manuskrip. Namun, kita tidak boleh menafikan juga berkemungkinan corak dan gaya penulisan ini dipersembahkan mengikut kesesuaian pada masa tersebut.

Pada manuskrip ini juga terdapat lima belas(15) bait¹⁵ yang pada fahaman penulis telah dipetik dari bahasa Parsi. Bait-bait tersebut telah

¹⁴ Abu Bakar Hamzah, *Imam al-Ghazālī sebagai Sarjana Sains Politik*, Kuala Lumpur; Penerbitan Zubir Jaafar, 1988, hal. 4. Lihat juga Abu al-Ula, Shheikh Muhammad Mustafa (ed.), *al-Tibr al-Masbūq fi Naṣīḥat al-Mulūk*, Kaherah; Maktabah al-Jindi, t.t.

¹⁵ Bait adalah rangkap bagi sajak. Dalam konteks manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk*, penulis merasakan tujuan bait-bait dikemukakan sebagai bukti untuk menguatkan sesuatu hujah. Lihat Teuku Iskandar, op. cit., hal. 81.

disertakan dengan terjemahannya sekali oleh penterjemah manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk*. Secara keseluruhannya bait-bait tersebut telah menceritakan selok-belok organisasi pentadbiran bagi sebuah kerajaan yang meliputi peranan serta tanggungjawab golongan yang memerintah dan golongan yang diperintah (rakyat jelata).

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* juga mempersembahkan kepada kita tujuh (7) ayat-ayat al-Qurān serta sepuluh (10) hadith-hadith termasuk sabda Nabi Allah Daniyal a.s.?? sebagai bukti untuk mengukuhkan lagi fakta-fakta serta pemikiran yang diketengahkan kepada kita. Ia juga telah membawa lima (5) petikan kata-kata *ḥukamā'*¹⁶, lima (5) perumpamaan, dua puluh empat (24) al-kisah, tiga (3) peristiwa, lima (5) fasal, dua (2) pendapat dari tokoh-tokoh seperti Aristotle dan juga Imam al-Ghazālī, tiga (3) petikan dari kitab iaitu *Nagarastan*,¹⁷ kitab Ibn Muqaffā'¹⁸ dan kitab *Sirāj al-Mulūk*¹⁹ serta masing-masing satu (1) qias, kata ulama dan hikayat (*Hikayat Sultān Maḥmūd Ghaznawī Ghāzī*) untuk menguatkan hujah-hujah yang telah dikemukakan..

Secara umumnya, manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* mengenangkan dua perkara pebincangan. Pertama ialah susur galur perjalanan sebuah sistem pemerintahan yang di dalamnya wujud ketua negara dan para menteri yang

¹⁶ Ibn Khaldun mengatakan golongan hukama adalah ahli falsafah. Lihat Ibn Khaldūn, Abdul Rahmān Abū Zaid Waliyuddīn bin Muhammad Khaldūn al-Hadrāmī, *Muqaddimah*, terj., Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hal. 7.

¹⁷ Sehingga kini penulis masih belum mendapat sebarang maklumat tentang kitab *Nagarstan*.

¹⁸ Judul asal kitab Ibn Muqaffā' ialah *al-Adāb al-Kabīr*. Kitab ini membincangkan persoalan pentadbiran kerajaan dan nasihat kepada raja-raja dan pembesar negeri. Lihat Abu Bakar Hamzah, op. cit, hal. 3.

mentadbir. Manakala perbincangan kedua pula ialah nilai etika, moral dan akhlak yang perlu ada pada golongan pentadbir secara keseluruhannya meliputi sultan yang memerintah serta golongan menteri yang melaksanakan arahan sultan dan juga rakyat selaku golongan yang menurut peraturan-peraturan yang digubal oleh golongan pentadbir.

2.4. KONSEP PEMERINTAHAN MENGIKUT MANUSKRIP NAŠIHKAT AL-MULŪK

Manuskrip Našihat al-Mulūk²⁰ adalah sebuah naskhah lama yang telah membincangkan serta menghuraikan permasalahan yang berkaitan dengan susur-galur organisasi sesebuah pentadbiran. Pengarang manuskrip ini bernama Sheikh Hussain al-Kashifi.²¹ Di dalam mengupas persoalan pemerintahan ini, beliau telah mengemukakan sepotong ayat al-Qur'an di awal penulisan karya beliau sebagai asas perbincangan.Firman Allah s.w.t.,²²

"واطِّبِعُوا اللَّهَ وَاطِّبِعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ مِنْكُمْ ..."

¹⁹ Kitab *Sirāj al-Mulūk* telah dikarang oleh al-Turtūsi yang juga membicarakan hal ehwal pentadbiran negara serta nasihat kepada raja-raja dan para pembesar. Lihat Abu Bakar Hamzah, op. cit., hal. 3.

²⁰ Al-Kashifi, Sheikh Hussin, *Našihat al-Mulūk*, MKM 1366, Kuala Lumpur; Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia, t.t., mikrofilem. Naskhah asal terdapat di Perpustakaan Universiti Cambridge dengan kod Gg.6.40. Penulis mengandaikan manuskrip ini adalah terjemahan daripada teks Arab dan Parsi dan tidak diketahui siapakah yang menterjemahkannya.

²¹ Buku katalog *Indonesian Manuscripts in Great Britain* menyatakan pengarang asal manuskrip *Našihat al-Mulūk* ialah Sheikh Hussin Wa'iz-I-Kashifi. Lihat M.C. Ricklefs dan P Voorhoeve, op. cit., hal. 111.

²² Al-Qur'an surah *al-Nisa'* ayat 59. Ulasan bagi ayat ini juga terdapat di dalam Sulalat al-Salatin, Taj al-Salatin dan juga al-Ahkam al-Sultaniyyah. Lihat A. Samad Ahmad (ed.), *Sulalatus Salatin*, Kuala Lumpur; Dewan bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986, hal. 190. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, *Taj Us Salatin*, (selenggaraan Khalid M. Hussain), Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992, hal. 47 dan 61. Lihat juga al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*, terj. Uthman Hj Khalid, Institut Pengajian Tradisional Islam (IPTI), 1993, hal. 4.

“...hendaklah kamu taat kepada Allah s.w.t. dan hendaklah kamu taat kepada RasulNya dan para pemimpin kamu...”

Pada pandangan penulis, tujuan pengarang manuskrip mengemukakan ayat ini di permulaan kitab beliau adalah sebagai asas sandaran dan juga bukti untuk mengukuhkan lagi hujah-hujah yang bakal beliau ketengahkan nanti. Ia juga boleh dijadikan petunjuk agar pengarang manuskrip tidak tergelincir dari pokok persoalan yang akan dibincangkan. Jika ditinjau dengan lebih mendalam kita akan mendapati ada unsur persamaan kupasan ayat di atas dengan *Taj al-Salatin*.²³ Asas ini telah diperkuatkan lagi dengan penambahan bait yang bermaksud,²⁴

‘...bahawa pada orang yang budiman itu akan raja dan nabi itu umpama dua permata pada satu cincin...’

Secara umumnya keseluruhan isi kandungan manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah menumpukan perbincangan kepada organisasi pentadbiran berkerajaan. Ia telah dipecahkan kepada dua bahagian utama. Namun jika diteliti dengan lebih mendalam, kita akan mendapati wujud tajuk atau tajuk kecil yang (pada pandangan penulis) bertujuan untuk memisahkan di antara satu isi dengan isi yang lain. Bahagian pertama, pengarang *Nasihat al-Muluk* membincangkan tentang tanggungjawab raja mengurus para pentadbir²⁵ dan golongan rakyat jelata. Bahagian kedua pula mengupas tentang peranan serta tanggungjawab rakyat jelata mentaati raja.²⁶

²³ Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 47.

²⁴ Al-Kashifi, op. cit., hal 2. Lihat A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal 190. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 47.

²⁵ Manuskrip *Nasihat al-Muluk* menamakan golongan ini sebagai orang yang damping dengan raja. Penulis berpandangan bahawa golongan ini adalah merupakan golongan yang menjalankan tugas-tugas mentadbir dan memerintah negara yang terdiri daripada para menteri dan pegawai pentadbir.

²⁶ Al-Kashifi, op. cit., hal. 2.

2.4.1. Peranan dan Tanggungjawab Raja

Peranan dan tanggungjawab seseorang raja (ketua negara) amat berat sekali kerana ia adalah merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan seadil-adilnya kerana hala tuju negara yang diperintah itu terletak di tangan mereka. Raja adalah merupakan pemegang kuasa yang tertinggi di dalam sistem pemerintahan.²⁷ Di dalam konteks sistem pemerintahan Islam, raja sebagai ketua negara yang bertindak menjaga urusan agama dan juga urusan dunia.²⁸ Mereka wajib menjaga kebijakan dan kemaslahatan hidup rakyat yang di bawah naungan mereka.

2.4.1.1. Tanggungjawab Raja Mengurus Pentadbir dan Rakyat Jelata

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah menggariskan beberapa etika sebagai panduan bagi seseorang raja dalam menunaikan tanggungjawab terhadap golongan pentadbir dan rakyat jelata. Untuk mengurus para pentadbir, seseorang raja perlu bergaul mesra dan mendampingi mereka. Ini bertujuan untuk memudahkan raja mendapat segala maklumat dan berita yang berlaku di dalam negara. Raja juga harus mengawasi, memerhati dan meninjau sendiri segala perbuatan serta pekerjaan yang diperintahkan kepada golongan ini.²⁹

²⁷ Ia sama dengan sistem pemerintahan raja-raja Melayu yang meletakkan raja atau sultan sebagai pemerintah tertinggi di dalam struktur politik dan sosial. Lihat Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hal. 3.

²⁸ Ibn Khaldūn, op. cit., hal. 235.

Seterusnya raja disarankan agar sentiasa mendekati dan melantik pentadbir dari kalangan para cendekiawan, golongan yang baik akhlak dan budi pekerti serta orang-orang yang jujur dan amanah di dalam jentera kerajaan. Golongan pentadbir perlu ditangani dengan sebaiknya kerana mereka merupakan media bagi raja untuk mengetahui kronologi peristiwa yang berlaku sama ada di dalam atau di luar wilayah pemerintahan baginda. Ia juga bertujuan untuk memastikan agar setiap pekerjaan yang diamanahkan kepada mereka dapat dijalankan dengan lancar. Seterusnya garis panduan ini juga bertujuan untuk mengelakkan para pentadbir melakukan penyelewengan dan perkara buruk yang di luar jangkaan dan pengetahuan raja.³⁰

Apabila raja mengetahui keseluruhan peristiwa yang berlaku, sudah tentu baginda dapat mengatur strategi untuk mengawal kejadian buruk dari menimpa negaranya. Hasilnya, raja akan dapat menghindari kecelakaan yang boleh membawa kemudarat dan rakyatnya akan hidup dan bekerja dengan aman dan sentosa.³¹ Sheikh Ḥussein al-Āshīfī yang memetik satu sumber dari Kitab *Sirāj al-Mulūk*³² telah menyatakan, terdapat tiga (3) elemen yang boleh memusnahkan sesebuah negara iaitu terdapat peristiwa-peristiwa yang di luar (tidak dilaporkan) pengetahuan raja, terdapat ramai orang jahat di dalam negara tersebut dan juga berlaku banyak penganiayaan serta kezaliman yang dilakukan oleh para pentadbir ke atas rakyat.³³

²⁹ Al-Āshīfī, op. cit., hal. 3. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 68-69.

³⁰ Ibid., hal 3-4. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 69.

³¹ Al-Āshīfī, Ibid., hal. 5.

³² Kitab *Sirāj al-Mulūk* (Pelita Raja) adalah merupakan kitab karangan al-Turtūsi. Lihat Abu Bakar Hamzah, op. cit., hal. 3.

³³ Al-Āshīfī, op. cit., hal. 4. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 69.

Manuskrip ini juga menyeru agar seseorang raja mengelakkan diri daripada berperilaku buruk, cuai dalam mengurus hal ehwal pentadbiran dan tidak menghormati masyarakat bawahan. Elemen-elemen tersebut akan menimbulkan kebencian di kalangan pentadbir dan rakyat jelata. Ia akan menyebabkan para pembesar dan rakyat berusaha untuk menjauhkan diri daripada raja dan berusaha mencari keamanan di tempat lain³⁴ kerana takut dizalimi. Kenyataan ini diperkuuhkan dengan membawa kata *hukama*³⁵,

“...hilang kemuliaan daripada sebab kerana berbesar segala orang hina telah diperolehnya lahir kemuliaan nescaya pekerjaan binasa olehnya bahawa akan orang hina bukan seharusnya ia beroleh kebesaran hanya yang layak akan baginya ikat dan penjara juga...”

Seterusnya raja juga perlu mengawasi tingkah laku golongan pentadbir agar tidak melakukan kezaliman dan penganiayaan terhadap rakyat jelata kerana mereka pasti akan menyangka raja yang menitahkan perbuatan tersebut. Kesannya boleh menjadikan sistem ekonomi sesebuah negara itu mundur kerana rakyat akan menjadi malas untuk bekerja. Ini akan menyebabkan khazanah negara dan makanan akan berkurangan. Sistem pertahanan negara juga akan menjadi lemah dan ia seolah-olah membuka peluang kepada negara lain yang lebih kuat untuk menaklukinya.

³⁴ Al-Kashifi, Ibid., hal. 5. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 70.

³⁵ Al-Kashifi, Ibid., hal. 5-6. Taj al-Salatin memberi gambaran yang seakan-akan sama iaitu “*hilang daulat daripada sebab aniaya*”. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 70.

2.4.1.2. Struktur Pentadbiran Negara

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* telah mempersembahkan kepada kita satu sistem pemerintahan (pentadbiran) yang unik. Penstrukturan sistem ini telah diumpamakan seperti sebuah mahligai yang mempunyai empat (4) tiang sebagai penyokong. Tiang pertama diwakili oleh golongan panglima dan golongan yang menguruskan negara. Mereka bertanggungjawab menjaga dan menjadi benteng negara dari serangan musuh. Tiang kedua mewakili golongan menteri yang bijak dan gagah. Mereka berperanan menyelesaikan permasalahan dalaman negara dan bertindak sebagai perancang ekonomi negara supaya hasilnya dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan mentadbir negara.³⁶

³⁶ Al-Kāshīfī, Ibid., hal 7. Penstrukturan jawatan pembesar menurut Nasihat al-Muluk agak berbeza dengan kitab *Tāj al-Salāṭīn* yang juga mengemukakan empat tiang sebagai pengukuhan kerajaan iaitu

1. menteri
2. panglima
3. khazin (bendahari)
4. mukhibir (penyiasat)

Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 111-112. Al-Mawardi pula mengemukakan struktur kerajaan sebagai berikut:

1. golongan yang mengendalikan urusan umum iaitu menteri.
2. golongan yang melaksanakan urusan yang tertentu (khusus) seperti pemerintah di daerah serta wilayah.
3. golongan yang mengendalikan urusan khusus tetapi mempunyai tugas yang menyeluruh seperti kadi besar, panglima tentera, penguasa sempadan, pemungut cukai dan pemungut zakat.
4. Golongan yang mengendalikan urusan khusus dan mempunyai tugas yang khusus seperti kadi daerah atau wilayah tertentu, pemungut cukai atau pemungut zakat di daerahnnya atau panglima tentera atau penguasa sempadan di daerah mereka.

Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 33-34. Kitab *Sulālat al-Salāṭīn* pula menyatakan struktur kerajaan itu terbahagi kepada empat (4) pembesar utama iaitu:

1. bendahara
2. penghulu bendahari
3. temenggung
4. laksamana.

Lihat juga A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 75.

Tiang ketiga diwakili oleh golongan hakim yang bertugas memelihara golongan rakyat jelata dari sebarang bentuk kezaliman dan penganiayaan khususnya yang dilakukan oleh para pentadbir. Tiang keempat pula mewakili golongan penyiasat yang bertanggungjawab menyelidiki peristiwa yang berlaku di dalam dan di luar negara. Tugas mereka ialah melaporkan segala maklumat tentang kebaikan rakyat supaya dapat diberi ganjaran yang setimpal dan memberi peringatan tentang kemungkinan berlakunya konspirasi jahat musuh agar raja sentiasa berwaspada.³⁷

Peranan dan tanggungjawab raja ialah menyatupadukan keempat-empat golongan tersebut agar mereka dapat bekerjasama untuk membangunkan negara. Sikap prihatin raja terhadap permasalahan golongan ini juga perlu kerana ia secara tidak langsung akan memulihkan keyakinan diri di dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Raja juga perlu menasihati golongan ini jika mendapati mereka laik di dalam melaksanakan urusan pekerjaan mereka. Sekiranya nasihat tersebut tidak dihiraukan maka raja berkewajipan mengambil tindakan tegas dan menghukum mereka sejajar dengan kesalahan yang dilakukan.³⁸

Manuskrip *Nasiḥat al-Mulūk* menyeru raja agar menerima setiap kelemahan dan keburukan sifat-sifat para pentadbirnya dengan rasa lapang dada. Jika hendak menghukum, maka hukuman itu mestilah adil dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Raja juga diingatkan agar menghakimi sendiri kesalahan-kesalahan yang melibatkan golongan pentadbir. Ia sebagai satu cara

³⁷ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 7.

³⁸ Ibid., hal 8. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 112.

untuk menghindarkan rasa iri hati dan dendam para pentadbir sekiranya pengadilan diputuskan oleh golongan mereka juga.³⁹ Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī telah menyatakan,⁴⁰

“...terbuka keteguhan raja kerana sebab pertahanan segala orang besar-besar yang di bawah raja itu juga...”

“...apabila tiada sehati antara pegawai raja nescaya segala pekerjaan raja dan rakyat menjadi binasa...”

2.4.1.3. Elemen Pengekalan Kuasa

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* telah menggariskan dua elemen penting yang perlu dipatuhi oleh raja untuk terus mengekalkan takhta di sisi para pentadbir dan golongan rakyat marhain. Elemen pertama ialah menunjukkan rasa kasih terhadap golongan pentadbir dan rakyat.⁴¹ Elemen kedua pula ialah menzahirkan ketegasan kuasa (*qahhār*) di dalam setiap arahan dan pekerjaan yang diberikan.⁴² Jika kedua-dua elemen ini dilaksanakan dengan sempurna maka para pentadbir dan rakyat sudah tentu akan tunduk, patuh, hormat dan takut kepada baginda. Penyempurnaan terhadap elemen ini juga akan menjadikan para pentadbir dan rakyat jelata berlumba-lumba bekerja dan menabur budi dengan tujuan untuk mendapatkan anugerah daripada raja.

³⁹ Al-Kāshīfī, *Ibid.*, hal. 8. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 113. Tāj al-Salāṭīn mengatakan ‘...jika pembesar lalai atau lupa melaksanakan perintah raja maka raja seharusnya memperingati serta mengampun kesalahan mereka. Sekiranya perkara itu berlarutan, raja hendaklah menghukum pembesar dengan seadilnya...’.

⁴⁰ al-Kāshīfī, *Ibid.*, hal. 9.

⁴¹ *Ibid.* Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 88.

⁴² Al-Kāshīfī, *Ibid.*, hal. 9. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 83.

Di samping itu, raja juga perlu bertutur dengan lemah-lembut dalam memberi perintah dan arahan. Baginda tidak boleh marah jika terdapat arahan yang gagal dilaksanakan kerana perbuatan sedemikian akan melemahkan semangat para pentadbir untuk terus menunaikan perintah baginda yang seterusnya.⁴³ Seterusnya, raja diingatkan agar berhati-hati melantik seseorang untuk memegang sesuatu jawatan di dalam organisasi pentadbiran. Orang yang hendak dilantik itu perlu menjalani pemeriksaan yang teliti bagi membuktikan kebolehan serta kepakaran mereka. Raja juga tidak boleh sewenang-wenangnya memecat pekerja kerana sikap ini akan memperlihatkan ketidakcekapan baginda mentadbir negara. Sheikh Ḥussīn al-Kaṣīfī telah menegaskan:⁴⁴

“.. bahawa barang siapa hendak kuperbesarkan itu sayugia kucuba dahulu pada banyak kali jikalau layaklah ia akan mengetahui ia kebesaran itu maka tatkala itulah panji kebesaran kudirikan jikalau tiada ia layak mengetahui maka jangan kau tinggikan supaya birun lILlah engkau menurunkan dia kerana bersegera menghina orang yang baru dipermulia itu akan cela orang budiman adanya...”

Manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* menasihati para raja agar membatasi pergaulan mereka dengan orang yang telah dijatuhi hukuman ia akan menunjukkan persepsi buruk serta menggambarkan sikap tidak bersungguh-sungguh raja di dalam menunaikan tanggungjawab baginda. Oleh itu, raja seharusnya bersikap tegas dan reda dengan hukuman yang telah baginda jatuh bagi menunjukkan ketelusan dalam pemerintahan.⁴⁵

⁴³ Al-Kaṣīfī, *Ibid.*, hal. 10. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 88.

⁴⁴ Al-Kaṣīfī, *Ibid.*, hal. 11.

⁴⁵ *Ibid.*, hal. 11-12.

2.4.1.4. Tahap-Tahap Pendidikan Bagi Anak-Anak Raja

Anak merupakan amanah Allah s.w.t. yang dipertanggungjawabkan ke atas kedua ibu bapa. Tanggungjawab ini mencakupi keseluruhan umat manusia tanpa mengira darjat, keturunan, pangkat, kasta dan sebagainya. Setiap ibu bapa berkewajipan mendidik anak-anak mereka supaya menjadi manusia yang berguna, baik budi pekerti serta tidak melakukan perbuatan-perbuatan keji.⁴⁶ Di dalam kitab *Tāj al-Salātīn* terdapat unsur persamaan dengan keterangan di atas. Ia mengatakan bahawa anak-anak adalah merupakan amanah Allah s.w.t. yang seharusnya dipelihara dengan baik. Oleh itu, ibu bapa adalah dilarang sama sekali mengkhianati amanah (mengabaikan pendidikan terhadap anak-anak) yang telah dianugerahkan kepada mereka.⁴⁷

Dalam konteks mendidik anak-anak, golongan raja telah dibekalkan beberapa panduan oleh Manuscrip *Naṣīḥat al-Mulūk* untuk mendidik anak-anak mereka. Ia telah dibahagikan kepada beberapa tahap tertentu. Pada pandangan penulis, kronologi pendidikan terhadap anak-anak raja telah disalurkan secara tersusun dan rapi untuk memudahkan raja mengikuti serta merujuk apabila mereka memerlukannya.

Tahap pertama⁴⁸ ialah pendidikan semasa bayi dalam tempoh menyusu. Pada tahap ini para raja perlu mempersiapkan diri mereka dengan akhlak yang baik kerana anak-anak secara tidak langsung akan mewarisi sikap kedua-dua ibu

⁴⁶ Ibid., hal. 18. Lihat Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 147.

⁴⁷ Bukhari al-Jauhari, Ibid., hal. 147.

⁴⁸ Al-Kashifi, op. cit., hal. 18.

bapa mereka. Pemilihan nama yang baik juga merupakan faktor penting ke atas psikologi anak-anak kerana nama yang buruk akan menyebabkan anak raja berasa hina dan tercela untuk masa yang akan datang. Seterusnya raja perlu memilih perempuan yang berakhhlak mulia sebagai ibu susu dan pengasuh kerana watak kedua-duanya sedikit sebanyak pasti akan meresap ke dalam jiwa anak-anak tersebut apabila mereka dewasa. Terdapat unsur persamaan dengan kitab *Taj al-Salatin* di dalam pemilihan nama yang baik dan juga ibu susu yang berakhhlak mulia kerana kedua-dua faktor ini juga merupakan penyumbang kepada keperibadian yang mulia serta akhlak yang baik bagi anak-anak raja.⁴⁹

Tahap kedua⁵⁰ ialah pendidikan bagi anak-anak raja semasa di peringkat kanak-kanak. Pada tahap ini anak-anak raja perlu mempelajari disiplin ilmu al-Quran dan ilmu agama supaya mereka dapat menguasai hukum-hukum syarak. Mereka juga harus dididik untuk menguasai ilmu-ilmu lain yang memberi manfaat untuk kehidupan mereka di dunia dan di akhirat. Seterusnya anak-anak perlu mendampingi dan menghormati para ulama dan golongan yang berakhhlak baik. Mereka harus menjauhi orang-orang yang jahil agar tidak terikut dengan perbuatan buruk golongan tersebut.

Tahap ketiga⁵¹ ialah pendidikan semasa anak-anak raja mencapai akil baligh. Apabila anak-anak raja mencapai umur akil baligh, para raja harus menyuruh anak-anak mereka mendekati para pembesar negara, bersikap rendah diri dan saling hormat menghormati di antara mereka serta bertutur dengan

⁴⁹ Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 147.

⁵⁰ Al-Kashifi, op. cit., hal. 19. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 147.

⁵¹ Al-Kashifi, Ibid., hal. 19.

sopan dan baik. Tujuannya supaya anak-anak raja dapat membiasakan diri dengan suasana istana dan peraturan di dalamnya serta memiliki nilai akhlak yang mulia.

Tahap keempat⁵²ialah pendidikan semasa anak-anak raja dewasa. Semasa dewasa, anak-anak raja disarankan agar berdampingan dengan golongan panglima dan hulubalang negara supaya mereka dapat mempelajari ilmu ketenteraan daripada golongan tersebut. Seterusnya ia juga bertujuan untuk melahirkan semangat patriotisme serta jati diri dalam diri anak-anak raja.

Tahap terakhir⁵³ialah pendidikan sebagai persediaan untuk menaiki takhta kerajaan. Setelah anak-anak raja mahir di dalam ilmu ketenteraan, mereka sekali lagi diseru agar mendekatkan diri dengan ahli agama dan para ilmuan. Ia bertujuan untuk memperkuatkan ilmu yang sedia ada kerana ilmu-ilmu tersebut akan dapat dijadikan petunjuk dan pedoman kepada mereka semasa memerintah kelak.

Jika diteliti serta dianalisis tentang saranan yang telah dikemukakan oleh manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* dengan kaedah yang telah dibincang di dalam kitab *Taj al-Salātīn*, ternyata kedua-dua kitab ini mempunyai unsur-unsur persamaan. Walau bagaimanapun, metodologi yang telah dipersembahkan oleh *Taj al-*

⁵²Ibid., hal. 20. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 148.

⁵³Al-Kashifi, Ibid., hal. 20.

*Salatīn*⁵⁴ itu nampak lebih teliti dan tersusun. Ia sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w.;

“...Setiap anak yang dilahirkan berada dalam keadaan fitrah (suci dan bersih dari dosa). Maka kedua ibubapanya lah yang akan menjadikan anak-anak tersebut sama ada Yahudi, Nasrani atau Majusi ...”⁵⁵

2.4.1.5. Peranan Raja Mentadbir Pembesar⁵⁶

Manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* menyarankan raja agar tidak membebankan golongan pembesar dengan dua pekerjaan secara serentak. Setiap satu tugas perlu diuruskan oleh seorang pembesar sahaja. Bebanan kerja yang banyak akan menyebabkan pembesar hilang penumpuan dan sudah pasti ia tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Di samping itu, raja juga disarankan agar tidak mengarahkan dua orang pembesar berkongsi satu tugas. Tujuannya supaya

⁵⁴ *Taj al-Salatīn* telah mengemukakan enam (6) hak (kaedah) bagi raja untuk mendidik anak-anak mereka iaitu;

1. Apabila permaisuri melahirkan anak, raja hendaklah mengazan di telinga kanan dan mengiqamatkan di telinga kiri bayi baginda.
2. Semasa berumur tujuh (7) hari, bayi raja perlu dicukur rambut serta dan raja disuntikan mengadakan kenduri kesyukuran.
3. Bila umur anak raja mencapai enam tahun, mereka perlu dikhatarkan, diajarkan adab sopan serta diberi nama yang baik.
4. Semasa berumur tujuh tahun, anak raja perlu diasingkan tempat tidur serta disuruh sembahyang.
5. Apabila umur anak raja mencapai tiga belas (13) tahun, mereka mesti disuruh menunaikan sembahyang dan dipukul jika mereka meninggalkan sembahyang.
6. Akhirnya apabila anak-anak raja mencapai umur enam belas tahun maka raja perlu mengahwinkan mereka.

Hak (perkara) yang telah dikemukakan oleh pengarang *Taj al-Salatīn* di atas (pada pandangan penulis) tidak hanya tertakluk kepada anak-anak raja sahaja tetapi juga harus diamalkan oleh masyarakat awam. Lihat Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 146-148.

⁵⁵ Al-Nawāwī, Muhyi al-Dīn Abu Zakariyya bin Syarif al-Nawāwī al-Shafī’l, *Sahīh Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī*, Beirut; Dar al-Ma’rifah, 1994, jil. 15-16, hadith no. 6697, hal. 423-426.

⁵⁶ Manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* telah menamakan golongan ini sebagai hamba. Pada pandangan penulis golongan ini adalah merupakan golongan pembesar kerana dalam banyak keadaan raja hanya berurusan dengan para pembesar sahaja. Di samping itu, golongan pembesar ini juga termasuk dalam kategori hamba raja.

setiap tugas yang diberikan itu dapat dilakukan dengan sempurna tanpa campur tangan orang lain.⁵⁷ Sheikh Ḥussein al-Kāshifi telah menjelaskan;⁵⁸

“...bahawa pada seorang manusia tiada dapat dua pekerjaan akan dikerjakannya akan pekerjaan yang yang demikian itu tiada berkenan pada orang budiman demikian lagi pada dua orang pada suatu pekerjaan sia-sia adanya pekerjaan itu maka adalah umpama periuk dua pada satu kerana nescaya tiadalah mahu mendidih isinya...”⁵⁹

2.4.1.5.1. Peranan Raja Mengurus Menteri⁶⁰

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah menyarankan agar raja-raja meletakkan kedudukan para menteri pada satu tahap yang tinggi sesuai dengan jawatan mereka. Ia bertujuan untuk melahirkan rasa hormat dan patuh masyarakat bawahan terhadap mereka. Ia juga bertujuan agar segala arahan dan perintah para menteri dapat dilakukan oleh rakyat jelata dengan sebaiknya. Raja juga perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada menteri-menteri baginda apabila hendak memulakan sesuatu arahan, pekerjaan dan sebagainya khususnya hal-hal yang berkaitan dengan urusan pemerintahan.⁶¹ —

Namun manuskrip *Nasihat al-Muluk* tidak pula menyatakan hal-hal yang berkaitan dengan tanggungjawab raja mengadakan peraturan-peraturan bagi

⁵⁷ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 16-17.

⁵⁸ Bait ini asalnya ditulis dalam bahasa Parsi dan disertakan juga terjemahannya. Dalam konteks ini penulis hanya mengkodkan terjemahannya sahaja.

⁵⁹ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 17.

⁶⁰ Perbahasan berkaitan dengan menteri, bidang tugas, kedudukan dalam kerajaan dan sifat-sifat mereka akan diperincikan lagi di dalam perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab rakyat (menteri) terhadap raja.

golongan menteri. Akan tetapi, penulis ingin mengemukakan analisis yang berkaitan tanggungjawab raja mewujudkan peraturan bagi menteri-menteri mereka seperti yang terkandung di dalam buku Sejarah Melayu kelihatan agak tersusun.

Di antaranya ialah peraturan duduk semasa mengadap raja. Para menteri akan duduk bersama-sama Bendahara, Penghulu Bendahari, Orang Besar-Besar dan juga Sida-Sida di seri balai. Semasa menjunjung duli pula, para menteri akan melakukannya dengan didahului oleh Bentara. Apabila menyambut utusan dari negeri lain, menteri akan bertindak sebagai ketua rombongan menyambut dengan mengepalai gajah.⁶² Manakala semasa menerima persalinan raja pula, menteri akan mendapat persalinan sebanyak empat (4) ceper sama seperti anak-anak raja yang terdiri dari seceper baju, seceper kain, seceper dastar dan juga seceper sebai.⁶³

2.4.1.5.2. Peranan Raja Mengurus Hulubalang⁶⁴

Untuk mentadbir golongan hulubalang, raja perlulah menyediakan segala peralatan dan kelengkapan ketenteraan dengan secukupnya. Pengurniaan pangkat dan kedudukan kepada para hulubalang harus mengikut taraf kedudukan, pengalaman, kebijaksanaan dan kesesuaian tugas. Seterusnya raja perlu membuat pengagihan harta rampasan perang dengan adil kepada

⁶¹ Al-Kashifi, op. cit., hal. 28. Dalam konteks kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara, orang yang layak menasihati raja hanyalah Bendahara sahaja.

⁶² Shellabear W.G. (ed.), *Sejarah Melayu*, Shah Alam; Fajar Bakti, 1996, hal. 57.

⁶³ Ibid, hal. 58.

hulubalang kerana mereka juga mempunyai hak ke atas harta-harta tersebut. Sikap prihatin dan kepekaan raja sangat perlu di dalam mengawal disiplin dan tingkahlaku para hulubalang agar mereka tidak menjadi pengkhianat dan pembelot di dalam mempertahankan negara.⁶⁵

Walaupun manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* tidak menceritakan peraturan-peraturan yang dibuat oleh raja di dalam mentadbir hulubalang, tetapi penulis merasakan perlu juga dikemukakan kaedah dan peraturan yang telah diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka terhadap hulubalang. Di antara peraturan-peraturan tersebut ialah hulubalang besar akan duduk di seri balai dan hulubalang muda akan berdiri di tapakan dengan memikul pedang semasa majlis mengadap raja berjalan.⁶⁶ Semasa menyambut utusan raja dari negeri lain, hulubalang akan bertindak sebagai penyambut surat apabila ia sampai di istana.⁶⁷ Semasa pengurniaan persalinan, hulubalang akan menerima tiga (3) seceper persalinan yang terdiri daripada seceper baju, seceper kain dan seceper dastar.⁶⁸

⁶⁴ Penulis akan membahaskan peranan hulubalang pada bahagian kedua yang berkaitan dengan tanggungjawab rakyat terhadap raja.

⁶⁵ Al-Kāshifī, op. cit., hal. 29.

⁶⁶ Raffles (ed.), *Sejarah Melayu*, The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (MBRAS), 1998, hal. 123.

⁶⁷ Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 58.

2.4.1.5.3. Peranan Raja Mengurus Bentara

Kamus Dewan mendefinisikan bentara sebagai pesuruh raja yang menyampaikan titah raja atau membawa alat kerajaan.⁶⁹ Jawatan ini juga telah digambarkan di dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka dan mereka bertugas menyambut utusan yang datang dari negeri lain.⁷⁰ Raja dan sultan perlu prihatin, peka, mengambil berat dan memberi perhatian yang secukupnya kepada bentara dan orang yang di bawah berada kawalannya dengan memastikan agar golongan pentadbir lain tidak mencampuri bidang tugas yang berada di bawah kuasa bentara.

Di samping itu, raja perlu mengawal tatakerja Bentara supaya setiap pekerjaan dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh. Raja juga diingatkan agar tidak memberikan kuasa yang sewenangnya kepada Bentara untuk mengadili sesuatu kesalahan dan baginda tidak boleh memerintahkan bentara menjalankan pekerjaan di luar bidang pengetahuannya.⁷¹

Akhirnya, raja berkewajipan menyediakan asas keperluan hidup bentara dengan sebaiknya supaya mereka dapat menjalankan tugas dan titah perintah raja dengan lebih sempurna dan selesa. Konsep paksaan dan peras ugut untuk

⁶⁸ Raffles (ed.), *Sejarah Melayu*, op. cit., hal. 125.

⁶⁹ Teuku Iskandar (ed.), op. ccit., hal. 127.

⁷⁰ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 75-78. Pada pandangan penulis, jawatan Bentara dalam konteks Kerajaan Malaysia sekarang ialah Menteri Luar Negeri.

⁷¹ Al-Kashifi, op. cit., hal. 29.

melakukan sesuatu tugas serta memecat bentara yang melakukan kesalahan dengan tanpa pengadilan yang sewajarnya adalah dilarang kerana ia akan menimbulkan rasa dendam bentara terhadap rajanya.⁷²

2.4.1.6. Sifat-Sifat Raja

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* tidak menggambarkan secara jelas sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh seseorang raja. Namun, penulis merasakan adalah menjadi satu keperluan untuk menjelaskannya walaupun ia diungkapkan secara tersirat. Di antara sifat-sifat raja⁷³ yang dapat penulis kesan di dalam manuskrip ini ialah berlapang dada di dalam menerima keburukan yang dilakukan oleh golongan pentadbir negara,⁷⁴ berusaha untuk mendekati dan menjalinkan hubungan mesra dengan rakyat jelata,⁷⁵ berbicara dengan sopan santun⁷⁶ dan menghukum setiap kesalahan dengan kebenaran.⁷⁷

Sifat raja seterusnya ialah tegas di dalam mengawal disiplin para pentadbir,⁷⁸ menerima pandangan dan kritikan dengan hati yang terbuka, menjauhi tabiat menunjuk-nunjuk, menyiasat terlebih dahulu setiap aduan

⁷² Ibid. hal. 30-31.

⁷³ Menurut *Tāj al-Salāṭīn*, sifat-sifat yang akan dikemukakan tertakluk di bawah sifat keadilan raja.

⁷⁴ Ibid., hal. 8. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 113.

⁷⁵ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 9 dan 31. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 57 dan 59.

⁷⁶ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 19. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 65.

⁷⁷ Al-Kāshīfī. Ibid., hal. 8. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 88. Lihat juga Liaw Yock Fang (ed.), *Undang-Undang Melaka*, The Hague; Martinus Nijhoff, 1976, hal. 66.

⁷⁸ Al-Kāshīfī. Ibid., hal. 13-14. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 112.

sebelum menjatuhkan hukuman,⁷⁹ memperlihatkan keperibadian yang boleh dijadikan suri teladan kepada rakyat bawahan,⁸⁰ menghindari sifat tamak dalam mengumpul kekayaan sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap rakyat⁸¹ dan juga bijaksana di dalam mengurus negara dan rakyat.⁸²

2.4.1.7. Sikap Raja Dalam Mengadili Kesalahan

Raja merupakan pemerintah yang mempunyai hak mutlak untuk menjatuhkan hukuman bagi sesuatu kesalahan. Bersikap adil dan saksama di dalam menghakimi sesuatu kesalahan adalah sangat digalakkan. Raja juga perlu mempercepatkan pelaksanaan hukuman agar ia menjadi contoh, teladan serta peringatan kepada orang lain agar tidak melakukan lagi perbuatan yang sedemikian. Bagi hukuman bunuh pula, raja hanya boleh menjatuhkan hukuman tersebut sekiranya terdapat individu atau kumpulan yang disabitkan dengan kesalahan mencuri,⁸³ menipu,⁸⁴ mengkhianati raja dan negara,⁸⁵ menghina,

⁷⁹ Ibid., hal. 28-30. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 83.

⁸⁰ Al-Kashifi, Ibid., hal. 20. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 59.

⁸¹ Al-Kashifi, Ibid., hal. 5. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 77.

⁸² Ibid., hal. 31.

⁸³ Mencuri harta raja boleh dijatuhi hukuman bunuh. Perbandingan boleh dibuat dengan merujuk kes yang berlaku di zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah di mana baginda sendiri yang bertindak membunuh golongan pencuri yang bermaharajalela ketika itu. Lihat A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 173-175.

⁸⁴ Al-Kashifi, op. cit., hal. 31.

⁸⁵ Ibid., hal. 31 dan 59. Hukuman bunuh juga boleh dikenakan ke atas orang yang mengkhianati raja dan negara. Contohnya Hang Kasturi yang mengkhianati raja (menderhaka) telah dikenakan hukuman bunuh oleh Sultan Mansur Syah. Lihat Raffles (ed.), op. cit., hal. 162.

mencela, memfitnah serta menceritakan keaiban raja (perbuatan yang mendatangkan kemurkaan raja).⁸⁶

Namun, pada pandangan penulis hukuman bunuh khususnya bagi kesalahan mencuri, menipu, menghina, mencela serta bercerita tentang keburukan raja adalah wajar kerana kesalahan tersebut boleh dikategorikan sebagai kesalahan menderhaka kepada raja. Jika dibiarkan perbuatan ini berlaku secara berleluasa, sudah tentu rakyat tidak akan menghormati serta meragui kepemimpinan raja mereka.

2.4.2. Tanggungjawab Hamba⁸⁷ Terhadap Raja

Tidak dapat dinafikan bahawa para pembesar, rakyat jelata dan golongan hamba mempunyai tanggungjawab tersendiri di dalam menjana perkembangan sesebuah negara. Akan tetapi, penulis merasakan tanggungjawab golongan pentadbir adalah lebih berat dan lebih utama berbanding dengan peranan rakyat. Saban hari mereka terpaksa bekerja keras memikul amanah untuk memajukan negara, mengurus raja dan rakyat bawahan bagi menjamin dan mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Sekiranya kita meneliti secara lebih mendalam manuskrip *Nasihat al-Muluk*, kita akan mendapati pokok perbincangan yang utama tentang tanggungjawab hamba itu telah difokuskan secara panjang

⁸⁶ Ibid., hal. 59. Menurut Undang-Undang Melaka, jika rakyat jelata melakukan kesalahan yang boleh mendatangkan kemurkaan raja, mereka boleh dijatuhi hukuman bunuh. Lihat Liaw Yock Fang (ed.), *Undang-Undang Melaka*, The Hague, Martinus Nijhoff, 1976, hal. 66.

⁸⁷ Penulis berpendapat bahawa status hamba yang dimaksudkan oleh manuskrip ini meliputi golongan pembesar negara, rakyat jelata dan para hamba raja yang sebenar. Namun fokus utama hamba yang dikemukakan oleh manuskrip *Nasihat al-Muluk* lebih tertumpu kepada golongan pentadbir yang bekerja mengurus negara, raja dan juga rakyat jelata.

lebar terhadap peranan serta tanggungjawab golongan pembesar di dalam mentadbir negara.

Penulis berpendapat, keutamaan telah diberikan kepada para pembesar kerana mereka merupakan tunggak utama di dalam merancang strategi untuk pembangunan serta kemajuan negara. Tanpa perancang sudah tentu negara akan menjadi kucar-kacir kerana hala tuju dan matlamat sesebuah negara itu terletak pada perancangan yang dibuat oleh para pembesarnya. Namun kita tidak dapat manafikan sumbangan rakyat dalam meningkatkan taraf kemajuan negara. Akan tetapi, penulis merasakan bahawa tugas rakyat jelata hanyalah sebagai pelaksana kepada perancangan-perancangan yang telah dibuat oleh golongan pembesar yang mentadbir.

2.4.2.1. Syarat dan Kriteria Pemilihan Pembesar⁸⁸

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah mengetengahkan kepada kita syarat-syarat kelayakan bagi seseorang individu untuk memegang jawatan pembesar negara.⁸⁹ Syarat-syarat tersebut ialah berilmu serta berpengetahuan luas. Mereka mestilah terdiri dari kalangan orang yang baik dan mulia keturunannya. Sekiranya raja melantik golongan jahil serta buruk salasilah keturunan, maka ditakuti akan membawa kemudarat kepada jentera pemerintahan kerana

⁸⁸ Pembesar ini terdiri daripada bentara, hulubalang dan orang yang damping dengan raja.

⁸⁹ Penulis berpendapat golongan pembesar negara adalah sama maksudnya dengan orang yang damping kepada raja, orang besar-besar, menteri, panglima, hakim, hulubalang, bentara, orang yang menyelidik khabar, orang yang bekerja mengambil ufti, orang yang menjabat qalam (penulis surat raja) dan pegawai istana seperti yang terkandung di dalam manuskrip *Nasihat al-Muluk*.

akhlak buruk mereka itu sudah pasti sedikit sebanyak akan terbawa-bawa di dalam urusan pentadbiran negara.⁹⁰

Al-Mawardi menyatakan bahawa perlantikan pembesar mestilah memenuhi beberapa syarat seperti beramanah, bercakap benar, tidak bersifat tamak, tidak bermusuhan dengan orang ramai, lelaki, cerdik dan bijaksana dan tidak menurut hawa nafsu di dalam menjalankan tugas.⁹¹ *Taj al-Salatin* menceritakan bahawa golongan pembesar mestilah terdiri dari kalangan orang yang akil baligh,⁹² berpengetahuan, berbudi, tidak tamak, teguh iman⁹³ dan banyak lagi.

2.4.2.2. Struktur Susunan Pangkat Pembesar

Sheikh Ḥussein al-Kāshifi juga telah mengemukakan kepada kita satu bentuk susunan dan kedudukan pangkat para pembesar bagi mentadbir sesebuah negara. Susunan ini adalah berlandaskan firman Allah s.w.t.;⁹⁴

وأجعل لى وزيرا من اهلى هارون اشده به ازدى واشركه فى امرى

Ertinya: "...Dan jadikanlah untukku seorang menteri (*wazir*), dari keluargaku iaitu Harun saudaraku. Teguhkanlah dengan dia kekuatanku..."

Walaupun kedudukan susun aturnya dikisahkan di sana sini di dalam manuskrip, tetapi penulis telah menyusun kembali struktur tersebut supaya ia

⁹⁰ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 14.

⁹¹ Al-Mawardi, op. cit., hal. 42-43.

⁹² Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 59.

⁹³ Ibid., hal. 69.

nampak lebih kemas dan bersistematik. Di antara pangkat dan kedudukan jawatan pembesar yang telah dikisahkan di dalam manuskrip ini ialah jawatan menteri, panglima, bentara, pegawai istana, orang-orang besar, hulubalang, pentadbir kerajaan, pengutus surat raja dan orang yang memungut ufti. *Taj al-Salatin* pula menggambarkan kepada kita bahawa terdapat enam (6) golongan pembesar yang terdiri daripada menteri, hulubalang, pegawai kerajaan,⁹⁵ panglima, bendahari dan utusan raja.⁹⁶ Sistem Kesultanan Melayu Melaka menggambarkan susunan pangkat pembesar yang lebih teratur dan nampak kemas. Golongan pembesar Kerajaan Melayu Melaka terdiri daripada empat (4) pembesar utama iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan juga Laksamana.⁹⁷

Bustan al-Salatin pula menyatakan bahawa struktur pembesar negara terdiri daripada Kadi, Perdana Menteri, Laksamana, Orang Kaya Lela Wangsa, Hulubalang,⁹⁸ Wazir, Nakhoda⁹⁹ dan Penghulu Sida.¹⁰⁰ al-Mawardi juga mengemukakan struktur pembesar yang terdiri daripada golongan menteri, amir wilayah, hakim atau kadi, panglima tentera, naqib keturunan, imam sembahyang, pengurus ibadat haji dan pengurus zakat.¹⁰¹

⁹⁴ Al-Qur'an surah *Taha* ayat 29-32.

⁹⁵ Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 77.

⁹⁶ Ibid, hal. 112.

⁹⁷ Raffles (ed.), op. cit., hal 123-124. Terdapat ramai lagi golongan pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka seperti menteri, bentara, hulubalang, sida-sida, kadi, syahbandar, nakhoda, ceteria, orang kaya dan sebagainya.

⁹⁸ Nurudin al-Raniri, *Bustan al-Salatin*, selenggaraan Siti Hawa Hj Salleh, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal. 11.

⁹⁹ Ibid., hal. 43.

¹⁰⁰ Ibid, hal 45.

¹⁰¹ Al-Mawardi, op. cit., hal. 33-34.

Manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* juga telah membincangkan peranan, kriteria, bidang tugas dan sifat-sifat golongan pembesar di atas. Akan tetapi ia telah difokuskan kepada enam (6) golongan pembesar sahaja. Golongan-golongan ini ialah pentadbir,¹⁰² panglima, menteri, hulubalang, pengutus surat raja dan akhirnya pemungut ufti kerajaan.

2.4.2.2.1. Golongan Pentadbir

Di antara peraturan-peraturan yang harus diamalkan oleh golongan pentadbir ialah meletakkan segala suruhan dan titah perintah Allah s.w.t. melebihi segala-galanya. Mereka ditegah bersikap somborg dan bongkak walaupun mereka mempunyai kuasa mutlak ke atas rakyat jelata.¹⁰³

Golongan pentadbir juga harus menolak setiap anugerah yang diberikan oleh raja yang bertentangan dengan prinsip agama dan matlamat hidup mereka. Jika golongan pentadbir menerima juga kurniaan tersebut, mereka seolah-olah telah meletakkan diri mereka dalam kehinaan yang pasti akan dicela oleh masyarakat dan negara lain.¹⁰⁴ Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī telah berkata.¹⁰⁵

"tiada hanya dosa terlebih segera dibalas Allah dalam dunia disiksanya serta disegerakannya siksa akhirat lain daripada dosa derhaka akan raja dan memutuskan peri keluarganya"

¹⁰² Penulis juga menghadapi kekeliruan untuk menentukan struktur pangkat golongan pembesar tersebut khususnya kedudukan dan peranan orang-orang besar, pegawai istana dan pentadbir kerajaan. Kekeliruan ini wujud disebabkan percampuran bidang tugas dan peranan mereka yang diselang-selikan dengan peranan dan tanggungjawab pembesar yang lainnya. Oleh itu, penulis telah mengategorikan ketiga-tiga golongan ini sebagai "pentadbir" kerana mereka banyak terlibat dalam urusan pentadbiran negara.

¹⁰³ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 67. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 137, 140-142.

¹⁰⁴ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 67-68.

¹⁰⁵ Ibid., hal. 68.

“...bahawa alamat sempurna laki-laki itu bahawa apabila sampai kepadanya sesuatu madurah daripada orang memberi dia nikmat itu dihapusannya mudarat itu dengan segala nikmat dahulu kala...”

Seterusnya para pentadbir harus bijak merancang kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki taraf ekonomi serta meningkatkan pendapatan (perbendaharaan) negara. Mereka dilarang sama sekali mempergunakan khazanah negara untuk kepentingan peribadi¹⁰⁶. Manuskip Naṣīḥat al-Mulūk telah menyatakan:¹⁰⁷

“...harta dunia ini kasih manusia sekalian apabila seseorang ingin akan kekasih orang nescaya segala perseteruan zahir ia dari padanya...”

“...yang terutama dipohonkan pada segala raja-raja iaitu pegawai yang menghasilkan manfaat jua jangan manfaat yang sedia hasil daripada kerana apabila adalah pegawai yang menghasilkan manfaat dalam tangannya nescaya selamalamnya tiadalah ia bersusah rajanya dan manfaatnya bermula hasil akan baginya...”

Golongan pentadbir juga perlu menjaga keperibadian, cara berpakaian dan menggunakan prasarana negara sesuai dengan pangkat kedudukan mereka. Segala kemudahan yang diberikan kepada mereka boleh digunakan dan ia tertakluk kepada perkara-perkara yang dibenarkan oleh agama dan syariat sahaja.¹⁰⁸ Mereka juga dinasihatkan agar cuba sedaya upaya mengelakkan diri

¹⁰⁶ Ibid., hal. 70. Tāj al-Salāṭīn meletakkan syarat tersebut di dalam syarat jawatan menteri. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 124.

¹⁰⁷ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 70. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 138.

¹⁰⁸ Ibid., hal. 70.

“...bahawa alamat sempurna laki-laki itu bahawa apabila sampai kepadanya sesuatu madurah daripada orang memberi dia nikmat itu dihapuskannya mudarat itu dengan segala nikmat dahulu kala...”

Seterusnya para pentadbir harus bijak merancang kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki taraf ekonomi serta meningkatkan pendapatan (perbendaharaan) negara. Mereka dilarang sama sekali mempergunakan khazanah negara untuk kepentingan peribadi¹⁰⁶. Manuscrip *Nasīḥat al-Mulūk* telah menyatakan:¹⁰⁷

“...harta dunia ini kasih manusia sekalian apabila seseorang ingin akan kekasih orang nescaya segala perseteruan zahir ia daripadanya...”

“...yang terutama dipohonkan pada segala raja-raja iaitu pegawai yang menghasilkan manfaat jua jangan manfaat yang sedia hasil daripada kerana apabila adalah pegawai yang menghasilkan manfaat dalam tangannya nescaya selamalamnya tiadalah ia bersahab rajanya dan manfaatnya bermula hasil akan baginya...”

Golongan pentadbir juga perlu menjaga keperibadian, cara berpakaian dan menggunakan prasarana negara sesuai dengan pangkat kedudukan mereka. Segala kemudahan yang diberikan kepada mereka boleh digunakan dan ia tertakluk kepada perkara-perkara yang dibenarkan oleh agama dan syariat sahaja.¹⁰⁸ Mereka juga dinasihatkan agar cuba sedaya upaya mengelakkan diri

¹⁰⁶ Ibid., hal. 70. *Tāj Us Salatin* meletakkan syarat tersebut di dalam syarat jawatan menteri. Lihat juga *Bukhari al-Jauhari*, op. cit., hal. 124.

¹⁰⁷ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 70. Lihat juga *Bukhari al-Jauhari*, op. cit., hal. 138.

¹⁰⁸ Ibid., hal. 70.

daripada melakukan sebarang kerja yang didorong oleh hawa nafsu sekalipun ia merupakan titah perintah raja.¹⁰⁹

Seterusnya golongan pentadbir perlu bersikap lemah lembut dan bersopan apabila berurusan dengan raja kerana keperibadian pembesar akan melambangkan kelakuan rajanya. Raja akan berdukacita jika melihat para pentadbirnya berakhliak buruk walaupun pada zahirnya raja memperlihatkan hubungan baik di antara mereka.¹¹⁰ Manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* telah memetik kata-kata dari kitab Ibn al-Muqaffā¹¹¹:

“...apabila raja menyebut dikau saudara maka sayugia engkau mengatakan dirimu hamba maka apabila raja melebihkan martabatmu maka engkau berbanyak sopanmu dan tawadukmu...”

Seterusnya pentadbir diseru agar memperbanyakkan amalan-amalan kebaikan (membantu golongan yang susah) semasa memegang kuasa. Apabila dipecat, mereka sudah tentu tidak dapat lagi melakukan amal kebaikan tersebut.¹¹² Manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* ada memetik kata-kata seorang hukama;¹¹³

¹⁰⁹ Ibid., hal. 72. Lihat juga al-Mawardi, op. cit., hal. 43.

¹¹⁰ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 73. Bukhari al-Jauhari meletakkan ia di dalam syarat menteri. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 116-117 dan 126.

¹¹¹ Kitab ini telah dikenalpasti oleh Ibn Muqaffā¹¹⁴ dengan tajuk *al-Adāb al-Kabīr* (Peradaban Agung). Lihat Abu Bakar Hamzah, op. cit., hal. 3.

¹¹² Al-Kāshīfī, op. cit., hal. 90-91. Bukhari al-Jauhari meletakkan ia di dalam syarat menteri. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 126.

¹¹³ Al-Kāshīfī, Ibid., hal. 91.

“...berbuat baik sementara kuasa lagi diberi kuasa maka tiada pada segala ketika engkau akan kuasa dan dengan kuasanya sayugia hendak ada dengan sungguh-sungguh hatinya pada memenuhi segala hajat orang yang muhtaj itu hendak akan manfaat daripada menggembirai raja...”

Para pentadbir perlu berusaha mempertingkatkan prestasi perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang khususnya di dalam menjalankan urusan pentadbiran. Akhirnya mereka juga harus menjadi orang perantaraan bagi menyalurkan bantuan-bantuan kepada golongan rakyat jelata.¹¹⁴

2.4.2.2.2. Golongan Panglima

Panglima merupakan gelaran bagi ketua hulubalang (ketua keselamatan)¹¹⁵ pada zaman dahulu. Tugas panglima ialah mengurus hulubalang-hulubalang yang berada di bawah kawalan mereka dengan sebaiknya. Mereka juga harus bekerjasama dan memberi bantuan yang bersesuaian (mengikut keperluan) jika mendapat i ada di kalangan hulubalang yang berada dalam kesempitan dan kesusahan. Panglima juga harus bijak merancang dan menyusun strategi perang agar tenteranya sentiasa beroleh kejayaan dalam setiap peperangan.¹¹⁶

¹¹⁴ Ibid., hal. 93. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 127. Tetapi *Tāj al-Salātīn* menyatakan perkara ini di dalam syarat menteri. Pada pandangan penulis, golongan pentadbir juga merupakan wadah untuk raja menyampaikan bantuan kepada rakyat.

¹¹⁵ Penulis memaksudkan ketua keselamatan ialah ketua bagi anggota tentera dan polis. Akan tetapi, manuskrip *Nāṣīḥat al-Mulūk* menggelarkan golongan ini sebagai hulubalang. Penulis berpendapat ia membawa maksud yang sama. Dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka, ketua hulubalang adalah panglima perang besar yang bergelar Seri Bija Diraja. Mereka bertugas di bawah pengawasan Laksamana. Lihat Ismail Ambia, **Bendahara-Bendahara Melaka**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1960, hal. 3. Al-Mawardi pula menamakan tugas ini sebagai Amir Urusan Jihad. Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 56.

¹¹⁶ Al-Kashifi, op. cit., hal. 76.

Al-Mawardi menyatakan tugas panglima (amīr urusan jihad) ialah mengendalikan tentera (hulubalang), urusan peperangan, urusan pembahagian harta rampasan perang (*ghanimah*) dan urusan membuat perjanjian damai.¹¹⁷ Sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka pula telah meletakkan panglima sebagai ketua angkatan perang di darat dan bertugas di bawah pentadbiran Laksamana. Panglima juga akan bertindak sebagai ketua angkatan perang laut bagi menggantikan Laksamana jika Laksamana tiada.¹¹⁸

Seterusnya panglima juga harus peka dengan persekitarannya dan sentiasa mengamati setiap peristiwa yang berlaku di negara lain untuk mengetahui perancangan dan strategi musuh. Ia sebagai persediaan untuk menghadapi musuh jika negara mereka diserang.¹¹⁹ Akhirnya panglima bertanggungjawab memelihara dan membela golongan rakyat jelata yang lemah dari terus menjadi mangsa penganiayaan dan kezaliman golongan pembesar lain.¹²⁰

2.4.2.2.3. Golongan Menteri

Manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah memfokuskan perbincangan secara terperinci terhadap golongan menteri. Perbincangan itu meliputi bidang tugas, kedudukan dalam pemerintahan, sifat-sifat umum dan khusus bagi menteri, sifat

¹¹⁷ al-Mawardi, op. cit., hal. 56.

¹¹⁸ Ismail Ambia, op. cit., hal. 3.

¹¹⁹ Al-Kashifi, op. cit., hal. 80. Lihat juga al-Mawardi, op. cit., hal. 72.

¹²⁰ Al-Kashifi, Ibid., hal. 83.

bagi menteri yang baik dan juga sikap menteri yang jahat. Penulis berpendapat, tujuan pengarang manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* membincangkan secara terperinci peranan dan tanggungjawab golongan menteri adalah kerana amanah yang dipikul oleh mereka sangat berat untuk mengurus kepelbagaian platform di dalam jentera kerajaan.

Menteri menurut Kamus Dewan ialah ahli pemerintahan yang tertinggi atau pegawai tinggi seperti penasihat raja dan lain-lain.¹²¹ *al-Āḥkām al-Sultāniyyāh* telah membahagikan jawatan menteri kepada dua (2) bahagian. Pertama ialah Menteri *Tafwid* (Menteri Penyerahan atau Perdana Menteri). Kedua ialah Menteri *Tanfidh* (Menteri Pelaksana).¹²² Dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka terdapat juga jawatan menteri¹²³ dan golongan ini akan berada di bawah kawalan Bendahara (Perdana Menteri).¹²⁴

2.4.2.2.3.1. Bidang Tugas Menteri

Golongan menteri yang dilantik oleh raja bertanggungjawab untuk melicinkan setiap tugas yang melibatkan jentera pentadbiran kerajaan. Mereka juga perlu bekerja keras mengumpul dana bagi membiayai urusan-urusan yang melibatkan kepentingan pembangunan, ketenteraan dan sebagainya. Akhirnya golongan menteri ini (Menteri *Tafwid* atau Bendahara) berperanan sebagai penasihat kepada raja di dalam sesuatu urusan. Mereka diingatkan agar

¹²¹ Teuku Iskandar, op. cit., hal. 820.

¹²² Al-Mawardi, op. cit., hal. 35.

¹²³ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 75.

menggunakan kebijaksanaan semasa menasihati raja supaya segala nasihat tersebut tidak menyinggung perasaan raja.¹²⁵

2.4.2.2.3.2. Kedudukan Menteri Dalam Kerajaan

Golongan menteri mempunyai nilai kedudukan dan pangkat kebesaran yang tinggi melebihi pembesar yang lain. Oleh kerana tarafnya yang tinggi maka jawatan ini terus menjadi rebutan kebanyakan para pembesar. Mereka akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai status tersebut. Merandangkan nilai

¹²⁴ Zainal Abidin Wahid, "Power and Authority in the Melaka Sultanate: the Traditional View" dalam **Melaka The Transformation of A Malay Capital c. 1400-1980**, Kernal Singh Sandhu dan Paul Wheatly (ed.), Kuala Lumpur; Oxford University Press, 1983, hal. 105.

¹²⁵ Al-Kashifi, op. cit., hal. 20-21. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 124. Namun Taj al-Salatin telah mengemukakan dua puluh tujuh (27) bidang tugas menteri iaitu:

1. Mentaati perintah Allah S.W.T. dengan seluruh jiwa raga.
2. Bersyukur di atas segala kurniaan raja kepadanya.
3. Jujur menguruskan perbandaharaan negara.
4. Berusaha memperbaikkan khaazanah negara.
5. Menyelenggara urusan yang berkaitan dengan istana seperti prasarana istana, pakaian raja, peralatan istana dan sebagainya.
6. Menyeru agar raja supaya melaksanakan hukum syarak.
7. Menasihati raja jika raja mengabaikan hukum syarak.
8. Tidak bongkak dengan pangkat dan kedudukan.
9. Memperlengkapkan senjata bagi hulubalang dan lisykar.
10. Menghantar penyiasat ke negara lain bagi mengetahui keadaan negara itu.
11. Mempertahan golongan fakir dari kezaliman.
12. Memikirkan baik buruk sebelum melaksanakan sesuatu pekerjaan.
13. Mengetahui tugas dan pekerjaannya.
14. Berani.
15. Pemurah dan mudah menerima pandangan.
16. Berbuat baik dengan orang yang berbakti kepada raja.
17. Menegah orang yang melanggar perintah raja dan menghukumnya jika perlu.
18. Tidak laii melaksanakan perintah Allah S.W.T.
19. Menghukum dengan kebenaran.
20. Berakhlaq mulia.
21. Menggunakan psikologi dalam menasihati raja jika raja melakukan pekerjaan yang tidak bermanfaat.
22. Menjauhkan raja dari golongan yang buruk akhlak.
23. Menolong golongan yang memerlukan bantuan.
24. Menyalurkan bantuan bagi pihak raja dan menyeru penerima agar mendoakan kesejahteraan raja.
25. Mencari sahabat dari kalangan orang yang boleh berkongsi suka duka.
26. Menjauhi perbuatan khanat dan aninya.
27. Menjalankan interview bagi sesuatu jawatan.

statusnya yang tinggi dan sentiasa menjadi idaman setiap para pembesar maka terdapat banyak golongan yang berdengki serta berusaha untuk menjatuhkan orang yang telah memegang jawatan ini.¹²⁶

Untuk memastikan jawatan ini kekal, manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah mencadangkan agar para menteri melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada mereka itu dengan penuh dedikasi. Mereka juga perlu menghindari sifat tamak haloba di dalam diri serta sentiasa menjaga disiplin dan tingkah laku khususnya apabila berhadapan dengan masyarakat umum.¹²⁷

2.4.2.2.3. Sifat-Sifat Umum Menteri

Di dalam menggambarkan sifat-sifat umum menteri, manuskrip *Nasihat al-Muluk* telah menyarankan agar seseorang yang memegang jawatan menteri dapat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan beramanah kerana pengurusan kerja yang baik, bersistematik dan sempurna dapat menghindarkan negara dari dilanda masalah. Mereka perlu mempunyai semangat yang kental dan membuang sikap berputus asa dan bebal dalam melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus tabah dan kreatif di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara.¹²⁸

¹²⁶ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 84. Lihat juga Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 57-60.

¹²⁷ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 84.

¹²⁸ Ibid., hal. 85. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 116. Bukhari al-Jauhari tidak mengklasifikasikan sifat bagi seseorang menteri tetapi beliau telah mengemukakan lima (5) sifat (dipetik dari kitab *Sifat al-Wazir*) yang perlu bagi seseorang menteri. Sifat-sifat tersebut ialah:

1. Menasihati kebaikan dan keburukan bagi sesuatu pekerjaan.
2. Memiliki akhlak serta keperibadian yang baik.
3. Berani.
4. Jujur dalam berkhidmat kepada negara.
5. Bijak menyimpan rahsia raja dan kerajaan.

Golongan menteri juga perlu bersifat murah hati serta bersiap sedia untuk menghulurkan bantuan jika diperlukan. Mereka juga perlu memberi galakan dan sokongan kepada rakyat menyumbang untuk kemajuan negara. Mereka berkewajipan mencegah dan menghukum, jika mendapati rakyat ingkar dengan peraturan-peraturan yang telah dibuat serta mengabaikan titah perintah raja. Golongan menteri mestilah mempunyai idea-idea yang bernas serta berfikiran jauh bagi meramal¹²⁹ hala tuju negara pada masa hadapan. Di samping itu, mereka juga perlu menjaga kebaikan raja dan rakyat serta berusaha untuk mendekatkan diri dengan Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang oleh-Nya.¹³⁰

2.4.2.2.3.4. Sifat-Sifat Khusus Bagi Menteri

Di dalam mengutarakan sifat-sifat khusus bagi menteri, manuskrip Nasihat al-Muluk telah membahagikan sifat-sifat ini kepada dua bahagian. Sifat khusus yang pertama ialah para menteri mestilah mempunyai sifat adil dan saksama. Untuk memenuhi syarat bagi sifat-sifat ini, mereka perlu menunaikan

¹²⁹ Al-Kashifi, Ibid., hal. 86. Penulis bermaksud bahawa para menteri yang ideal pemikiran mereka akan dapat meramalkan musibah-musibah yang bakal berlaku pada masa hadapan. Pendapat ini diketengahkan agar ia sejajar dengan kandungan manuskrip yang menyatakan "jangan diberi sentosa hatinya daripada membicarakan segala bahaya pada perkataan hari malam dan siang".

¹³⁰ Ibid., hal. 85-86. Lihat juga al-Mawardi, op. cit., hal. 36 dan 42. Al-Mawardi telah menceritakan bahawa Khālidah al-Makmun telah menulis dalam pemilihan wazir, katanya: *Saya mengingini untuk urusanku seorang lelaki yang memenuhi sifat-sifat kebaikan, bersih tingkah lakunya dan lurus dalam perjalanan. Ia telah dididik oleh kesopanan budi pekerti serta matang dengan pengalaman. Kalau diamanahkan dengan rahsia ia melakukannya dan kalau ditugaskan dengan urusan-urusan yang besar-besaran dapat menjalankannya. Kesabaran mendiamkaninya, pengetahuannya memuturnyanya. Cukup baginya waktu yang singkat, tidak memerlukan kemewahan. Mempunyai kekuasaan pemerintah tetapi memiliki ketenangan hukama, tawaddu' para ulama serta kefahaman pada fujaha. Kalau ia diberi kebaikan ia bersyukur. Kalau dinji*

sepenuhnya hak-hak dan kewajipan terhadap Allah s.w.t. dengan menjauhi segala perbuatan mungkar serta menginsafi setiap siksaan Allah s.w.t.¹³¹

Golongan menteri diingatkan agar memberi hak yang sama rata (berlaku adil) di dalam mentadbir raja dan rakyat. Mereka ditegah untuk cenderung (bias) kepada sesuatu pihak sama ada pihak raja atau pun pihak rakyat. Jika perkara yang sedemikian berlaku, mereka seolah-olah meletakkan diri mereka di dalam masalah. Keadilan yang dilaksanakan oleh para menteri tanpa mengira pangkat dan kedudukan akan meletakkan diri mereka mulia di sisi masyarakat. Namun begitu, mereka harus berwaspada dan berhati-hati di dalam menghadapi cabaran dan dugaan untuk merealisasikan perkara ini.¹³²

Seterusnya para menteri perlu menonjolkan keperibadian yang luhur agar ia menjadi contoh teladan kepada orang bawahan serta rakyat jelata. Sikap ini secara tidak langsung akan mencerminkan keluhuran peribadi raja mereka.¹³³

Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* telah menegaskan;¹³⁴

—

"barang siapa yang membawa pekerjaan maka adalah baginya pahala kebaktiannya dan seperti pahala orang yang berbuat itu maka barang siapa yang membawakan orang akan pekerjaan jahat maka adalah atasnya dosa yang maha besar seperti dosa orang yang berbuat dia"

dengan keburukan ia bersabar. Ia tidak menjual habuannya hari ini untuk menderita esoknya. Dia dapat melembutkan hati orang lelaki dengan lidahnya yang petah dan kata-katanya yang menarik.

¹³¹ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 87. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 123-124.

¹³² Al-Kāshifi, Ibid. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 67.

¹³³ Al-Kāshifi, Ibid. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 116.

¹³⁴ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 88. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 124.

Sekiranya menteri mengetahui yang raja telah melakukan perbuatan¹³⁵ maksiat yang boleh merugikan negara, mereka berkewajipan menasihati raja mengikut kebijaksanaan dan kadar kemampuan yang ada. Jika rakyat bertanyakan hal tersebut, mereka harus pula menunjukkan sikap bersetuju (tetapi tidak merelakan) demi menjaga maruah raja dari tercemar.¹³⁶

Untuk menasihati serta menegur raja yang berakhlik buruk, para menteri diingatkan agar menggunakan segala kebijaksanaan (*hikmah*) dan penuh diplomasi dengan membawa bukti dari peringatan serta kisah-kisah di dalam al-Qur'an, hadis Nabi s.a.w., tamthīl, perumpamaan dan sebagainya tanpa menguris perasaan raja. Nasihat yang sedemikian pasti akan meletakkan diri mereka lebih mulia di sisi raja.¹³⁷ Manuskip ini telah membuktikannya dengan mengatakan;¹³⁸:

"...kasih engkau akan sesuatu butalah matamu dan tulilah telingamu..."

Sifat khusus yang kedua ialah para menteri harus jujur di dalam melaksanakan amanah yang dipikul oleh mereka. Untuk melahirkan sifat jujur dalam diri, mereka perlu sentiasa menjaga hak-hak terhadap Allah s.w.t. agar diri mereka terhindar dari perbuatan mungkar. Mereka juga mestilah saksama (tidak bias) di dalam memenuhi tuntutan raja dan rakyat, memiliki sifat-sifat mulia agar dikenang sepanjang hayat, menggalakkan raja dan rakyat melakukan kebajikan, melaporkan setiap gerak kerja yang dibuat dengan tujuan untuk menyenangkan

¹³⁵ Manuskip menyatakannya sebagai perkara jahat.

¹³⁶ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 88. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 124.

¹³⁷ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 89. Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 43.

hati raja demi menjauhi fitnah-fitnah yang mungkin dilemparkan kepada mereka dan berasa kesal jika tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna.¹³⁹

Seterusnya para menteri perlu mendampingi sahabat yang sejati yang boleh dikongsi bersama kisah suka dan duka. Mereka juga perlu menyiasat kezaliman yang dilakukan oleh pegawai bawahan dan menghukumnya dengan setimpal supaya ia menjadi teladan kepada pekerja-pekerja lain. Di samping itu, mereka tidak boleh melantik individu yang buruk akhlaknya untuk memegang jawatan penting dalam negara dan tidak boleh menerima rasuah.¹⁴⁰

Para menteri ditegah bertindak melulu jika mendapati ada orang yang berdengki dengan mereka. Namun jika perbuatan tersebut sudah tidak dapat dikawal sehingga mencemarkan keperibadian mereka, barulah mereka boleh mengambil tindakan dengan menggunakan kebijaksanaan yang ada.¹⁴¹ Mereka perlu memahami secara mendalam perangai raja sehingga digambarkan bahawa, jika raja menjeling pun para menteri sudah dapat mengetahui maksud dan keinginan raja. Golongan menteri juga harus bersungguh-sungguh menjalankan tugas walaupun terpaksa mengorbankan harta benda demi kepentingan negara. Akhirnya golongan menteri juga secara tidak langsung akan

¹³⁸ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 89-90. Al-Mawardi menyatakan sebagai “*Cinta kamu pada sesuatu menjadikan kamu buta dan tuli*”. Petikan ini adalah merupakan hadis Rasulullah s.a.w. lihat Abu Dawud (kitab Adab). Lihat juga al-Mawardi, op. cit., hal. 43.

¹³⁹ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 96. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 123.

¹⁴⁰ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 97-98. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 127.

¹⁴¹ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 98.

menjadi panel penemuduga bagi jawatan-jawatan di dalam pentadbiran kerajaan.¹⁴²

Seterusnya diperbincangkan juga sifat-sifat menteri yang baik dan menteri yang buruk akhlaknya. Menteri yang baik akan bertindak sebagai juru ingat (penasihat) kepada raja agar tidak mengabaikan tanggungjawab di dalam memelihara kemaslahatan hidup rakyat. Mereka perlu sentiasa berada di sisi raja dan sentiasa merujuk kepada raja sebelum memulakan sesuatu gerak kerja.¹⁴³

Akan tetapi, menteri yang buruk akhlaknya akan sentiasa memberi masalah kepada negara. Mereka juga akan menyebabkan raja berasa risau dan berdukacita. Di samping itu, mereka selalu membelakangi raja di dalam segala hal yang melibatkan urusan pemerintahan. Akhirnya golongan ini juga sentiasa bertindak mengikut kemahuan diri sendiri tanpa merujuk kepada raja terlebih dahulu di dalam melaksanakan urusan pemerintahan.¹⁴⁴

2.4.2.2.4. Golongan Hulubalang

Menurut Kamus Dewan hulubalang ialah askar pengawal. Di dalam sistem hirarki pembesar Perak, hulubalang merupakan pembesar yang delapan.¹⁴⁵ Manuskrip *Nasihat al-Muluk* menyatakan bahawa golongan hulubalang memainkan peranan penting di dalam sesebuah negara. Mereka

¹⁴² Ibid., hal. 99. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 127-128.

¹⁴³ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 86. Lihat juga Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 124.

¹⁴⁴ Al-Kāshifi, Ibid., hal. 86-87.

¹⁴⁵ Teuku Iskandar, op. cit., hal. 433.

bertanggungjawab menyempurnakan segala arahan raja dan bertindak sebagai perhiasan kerajaan.¹⁴⁶ Mereka juga adalah merupakan perisai dan benteng untuk mempertahankan negara dari serangan musuh. Golongan hulubalang juga bertanggungjawab memelihara keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat dari unsur-unsur penganiayaan dan kezaliman. Akhirnya golongan ini juga diberi tugas untuk menghapus kegiatan penjahat serta perompak yang mengganggu-gugat keharmonian negara.¹⁴⁷ Jawatan hulubalang juga wujud di dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Hulubalang-hulubalang Melaka tertakluk serta duduk di bawah kawalan Laksamana.¹⁴⁸

Hulubalang digambarkan oleh manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Mereka perlu patuh serta menunaikan setiap arahan raja. Hulubalang mesti bergerak sealiran dengan tindak tanduk raja. Mereka perlu bekerjasama dengan hulubalang lain di dalam melaksanakan sesuatu tugas. Akhirnya golongan hulubalang mestilah terdiri dari kalangan orang lelaki.¹⁴⁹ Kriteria-kriteria di atas mempunyai persamaan dan hubung kait dengan tugas hulubalang seperti yang disebutkan sebelumnya. Oleh itu, penulis berpendapat, tujuan pengarang manuskrip ini menyebutnya berulangkali adalah sebagai peringatan bahawa jawatan hulubalang merupakan satu jawatan penting yang harus diberi perhatian.

¹⁴⁶ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 25. Penulis belum dapat memahami maksud perhiasan kerajaan seperti yang dinyatakan oleh manuskrip *Nasīhat al-Mulūk*.

¹⁴⁷ Ibid., hal. 25.

¹⁴⁸ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka; kajian beberapa aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, cet. ke 2, hal. 178.

¹⁴⁹ Al-Kāshifi, op. cit., hal. 25.

2.4.2.2.5. Penulis Surat Raja¹⁵⁰

Di dalam manuskrip ini juga digambarkan kriteria yang perlu ada bagi individu yang ingin menjadi penulis surat dan bingkisan¹⁵¹ raja. Walaupun ringkas sahaja penerangan yang diberikan, namun golongan ini semestinya mempunyai kepentingan yang tersendiri kerana segala isi kandungan surat yang ditulis oleh mereka akan mencerminkan keperibadian serta taraf kedudukan sebenar seseorang raja.

Untuk menjadi penulis surat raja, seseorang individu harus berusaha untuk meletakkan diri sebagai orang kepercayaan raja di dalam setiap tindak tanduknya. Mereka juga perlu mempunyai akhlak yang mulia serta ketajaman akal fikiran supaya dapat memberikan idea-idea yang bermas. Akhirnya, mereka perlu bijak dan mahir menyusun tatabahasa khususnya semasa menulis surat bingkisan untuk pemerintah negara lain.¹⁵² Manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* juga telah memetik kata-kata hakim Aristalis,¹⁵³

“...adapun akan orang yang menyurat terlebih manfaat daripada utusan daripada kerana jika lalu tahu orang menyurat dia nescaya pekerjaannya sempurna...”

Tāj al-Salatin juga menggambarkan sifat-sifat bagi seseorang penulis surat raja (penyurat). Di antara sifat-sifat itu ialah mahir dalam ilmu syair seperti ‘urud’ dan qāifah, elok rupa paras, petah berkata-kata, baik akhlak, tajam ingatan.

¹⁵⁰ Dalam manuskrip Nasihat al-Muluk, mereka dikenali sebagai orang yang menjabat qalam.

¹⁵¹ Bingkisan adalah bungkusan (barang kiriman atau buah tangan) yang disertai dengan surat. Lihat Teuku Iskandar, op. cit., hal. 149.

¹⁵² Al-Kashifī, op. cit., hal. 99.

ingatan. Penulis surat raja juga diingatkan agar membaca isi kandungan surat yang mereka tulis itu berulang kali agar tiada berlaku kesilapan dari segi penulisan dan maksud seperti yang diinginkan oleh raja. Akhir sekali penulis surat raja perlu memeterai surat tersebut dengan cop meterai negara.¹⁵⁴

2.4.2.2.6. Pemungut Ufti

Pemungut ufti¹⁵⁵ adalah golongan yang memungut cukai dan ufti dari sesebuah jajahan takluk sebagai tanda kepatuhan untuk taat dan tunduk di bawah kekuasaan sesebuah negara. Mereka bertugas di bawah kawalan seorang menteri. Orang yang dipilih untuk memegang jawatan ini mestilah terdiri daripada individu yang berakhhlak mulia dan berbudi luhur. Mereka harus pandai menjaga nama baik raja. Pemungut ufti juga ditegah sama sekali menggunakan kekerasan, penganiayaan dan berlaku zalim terhadap rakyat jelata semasa mereka bertugas memungut ufti.¹⁵⁶

¹⁵³ Ibid. Pada pandangan penulis, hakim Aristalis yang dimaksudkan oleh manuskrip ini ialah Aristotle seorang ahli falsafah Greek yang menjadi idola masyarakat Barat.

¹⁵⁴ Bukhari al-Jauhari, op. cit., hal. 130-131.

¹⁵⁵ Ufti ialah persembahan (wang, emas dll) yang wajib dibayar kepada raja atau negara yang berkuasa (menakluk). Oleh itu, penulis berpendapat bahawa pemungut ufti ialah orang yang bertanggungjawab memungut persembahan yang wajib diberikan kepada raja. Dalam konteks zaman sekarang ia disebut cukai. Lihat Teuku Iskandar, op. cit, hal. 1424. Pada pandangan penulis pula ufti bukan sekadar cukai tetapi mempunyai makna yang lebih luas lagi iaitu sebagai tanda atau persembahan sebagai tanda pengakuan untuk tunduk dan patuh kepada keadilan seseorang raja atau negara yang lebih besar atau lebih berkuasa. Sebagai contoh, setiap tahun atau tiga tahun sekali Sultan Kedah dan Sultan Kelantan akan mempersembahkan bunga emas kepada Kerajaan Siam sebagai ufti.

2.5. PENUTUP

Sebagai kesimpulan, penulis berpendapat bahawa manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* telah mengemukakan kepada kita satu gambaran awal khususnya di dalam membincangkan teori-teori pemerintahan bagi sesebuah negara. Secara umum, pengarang manuskrip telah membayangkan satu sistem pentadbiran yang kompleks bagi dipraktikkan oleh sesebuah pemerintahan Islam. Idea dan pemikiran Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī jelas menunjukkan konsep pemerintahan yang bertunjangkan ajaran Islam yang lebih tertumpu kepada sistem pentadbiran Islam.

Corak perbincangan yang diutarakan lebih tertumpu kepada golongan pemerintah yang melibatkan raja dan para pembesar sahaja. Sheikh Ḥussīn al-Kāshīfī juga secara langsung telah menekankan peranan raja dan tanggungjawab golongan pembesar di dalam mengurus negara. Namun masih terdapat kekeliruan di dalam menentukan struktur perjawatan pembesar khususnya bagi jawatan pegawai istana, orang-orang besar, orang yang berdampingan dengan raja dan juga orang yang mentadbir negeri.

Hasil daripada analisis ini juga telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa persamaan peranan di kalangan pembesar dalam menjaga kewajipan-kewajipan terhadap Allah s.w.t., berakhlik mulia, mentaati perintah raja dan banyak lagi. Penulis merasakan pengarang manuskrip ini mahu memberi

¹⁵⁶ Al-Kāshīfī, op. cit., hal. 102-103.

peringatan kepada golongan pembesar bahawa perkara yang disebut berulangkali itu adalah amat penting untuk diamalkan selain untuk mengukuhkan lagi pendapat beliau tentang peranan yang perlu dimainkan oleh golongan pembesar. Elemen-elemen yang sama juga kelihatan jelas digambarkan oleh kitab *al-Aḥkām al-Sultāniyyāh* (al-Mawardi), *Tāj al-Salatīn* (Bukhari al-Jauhari), *Bustān al-Salatīn* (Nurudin al-Raniri) dan sebagainya.

Penulis juga mendapati fokus utama manuskrip Nasihat al-Muluk di dalam menghuraikan struktur perjawatan pembesar adalah terhadap golongan menteri. Oleh itu, penulis dapat membuat rumusan bahawa peranan dan tanggungjawab para menteri amat penting sekali di dalam menjana sesebuah negara. Merekalah yang membuat perancangan untuk membangun serta memajukan negara. Di samping itu, para menteri juga bertindak sebagai penjana untuk meninggikan taraf hidup rakyat menerusi bantuan-bantuan dan perancangan-perancangan yang telah mereka susun atur menerusi jentera pentadbiran kerajaan.

Akhirnya, teori dan idea pemikiran Sheikh Ḥussīn al-Kashīfī yang terhasil daripada manuskrip Nasihat al-Mulūk adalah merupakan satu langkah awal sebelum penulis membuat analisis terhadap Kerajaan Melayu Melaka. Hasil daripada analisis ini juga akan dibandingkan dengan sistem Kesultanan Melayu Melaka yang ternyata telah diperaktikkan pada zaman silam.